PENDAKWA RAYA

lwn.

CHONG YOKE CHOY

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
PUAN ZALEHA ZAHARI PK
[RAYUAN JENAYAH NO. 41-38-93]
21 MAC 1994

UNDANG-UNDANG JENAYAH: Tuduhan membenarkan bangunan sebagai rumah perjudian - Pemerhatian tidak dibuat ditempat serbuan - Serbuan dibuat tanpa waran geledah - Samada serbuan dan tangkapan sah - Samada kes prima facie dibuktikan - Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 ss. 4(1)(b), 16, 19.

PERKATAAN DAN ISTILAH: "rumah perjudian terbuka" - "Digunakan" - Section 2 Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 - Tafsiran sebelum dan selepas pindaan - Akta A577.

Dalam kes ini pada 11 Februari 1991 pihak polis telah menyerbu satu bangunan yang dimilikki oleh responden dan dalam serbuan tersebut mendapati seramai lapan orang termasuk responden sedang bermain "pai kau". Di atas fakta ini responden telah dituduh di bawah s. 4(1)(b) Akta Rumah Perjudian Terbuka (Akta) kerana membenarkan bangunan tersebut digunakan sebagai rumah perjudian.

Fakta kes menunjukkan bahawa pihak polis tidak memperolehi waran geledah dibawah s. 16 Akta sebelum serbuan dibuat dan tidak membuat sebarang pemerhatian di tempat serbuan. Berdasarkan kepada fakta-fakta ini dan kerana merasakan dirinya terikat dengan keputusan kes *Timbalan Pendakwa Raya lwn. Thoo Yee Thye & Yang Lain* [1991] 3 CLJ 2830, Majistret telah membebaskan responden tanpa memanggilnya untuk membuat apa-apa pembelaan. Pendakwa Raya merayu dan berhujah antara lain bahawa Majistret telah tersilap kerana bergantung kepada kes *Thoo Yee Thye* dan bahawa kegagalan polis mendapatkan waran geledah sebelum membuat serbuan sama sekali tidak menjejaskan kes pendakwa terhadap responden di bawah s. 4(1)(b) Akta tersebut.

Diputuskan:

[1] Tafsiran istilah "rumah perjudian terbuka" seperti yang pinda oleh Akta A577 pada 11 February 1991 adalah termasuk "mana-mana tempat di mana lapan orang atau lebih yang sedang berjudi". Selain dari itu perkataan "digunakan" di dalam s. 2 tersebut telah diberi makna "sesuatu tempat hendaklah disifatkan sebagai "digunakan" bagi sesuatu maksud jika ia digunakan bagi maksud itu walaupun hanya sekali sahaja". Dalam kes ini keterangan saksi-saksi pendakwa jelas menunjukkan bahawa di tempat serbuan terdapat lapan orang, termasuk responden, sedang bermain "pai kau" pada waktu dan tempat yang material. Dengan demikian jelas bahawa satu kes *prima facie* telah dibuktikan terhadap responden dan Majistret adalah tersilap bila memutuskan bahawa tidak wujud kes *prima facie* di sini.

[2] Majistret adalah tersilap apabila beliau memutuskan bahawa beliau terikat dengan kes *Timbalan Pendakwa Raya lwn. Thoo Yee Thye* oleh kerana fakta-fakta dalam kes tersebut dapat dibezakan dengan fakta kes ini. Lagipun tafsiran "rumah perjudian terbuka" yang terpakai dalam kes tersebut ialah tafsiran sebelum ia dipinda oleh Akta A577. Jelas bahawa dalam kes *Thoo Yee Thye* fakta-fakta yang wujud dan undang-undang yang terpakai adalah berbeza.

[3] Majistret juga adalah tersilap apabila memutuskan bahawa s. 16 mesti dipatuhi terlebih dahulu oleh pihak polis dan bahawa pihak polis perlu menjalankan pemerhatian terlebih dahulu sebelum dapat membuktikan kes di bawah seksyen yang berkenaan. Walaupun begitu, sekiranyapun anggapan statutori di dalam s. 19 tidak dipakai kerana s. 16 tidak dipatuhi, berasaskan kepada keterangan-keterangan dan fakta-fakta kes dan memakai rukun pentafsiran "ordinary rule of construction" kepada perkataan-perkataan di dalam istilah "rumah perjudian terbuka" seperti dipinda oleh Akta A577 dan tafsiran istilah "used" dalam Akta, adalah jelas bahawa satu kes *prima facie* masih lagi terbukti terhadap responden.

[Rayuan dibenarkan].

Kes-kes yang dirujuk:

Timbalan Pendakwa Raya lwn. Thoo Yee Yhye & Yang Lain [1991] 3 CLJ 2830 ***(dibezakan)***

Saminathan lwn. Public Prosecutor [1937] MLJ 39 ***(diikuti)***

Wong Liang Nguk (f) lwn. Public Prosecutor [1953] 19 MLJ 246 ***(diikuti)***

Saw Kim Hai & Anor. lwn. Reg. [1956] 22 MLJ 21 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953, ss. 4(1)(b), 16
Ordinan Pertaruhan 1953, s. 2

Bagi pihak perayu - Siti Salwa bt. Musa, TPR
Bagi pihak responden - K. Y. Leong; M/s. K.Y. Leong, Song & Partners

ALASAN PENGHAKIMAN

Zaleha Zahari PK:
Perayu di dalam kes ini telah dituduh di bawah s. 4(1)(b) Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 (kemudian dari ini disebut 'Akta'), iaitu, sebagai tuan punya bangunan Hup Seng Engineering, Lot E s. 92 dan 92A, Batu $3^1/_2$ Jalan Sg. Besi telah membenarkan bangunan tersebut digunakan sebagai rumah perjudian.

Menurut keterangan-keterangan yang telah dibentangkan, pada 11 Februari 1991 jam 1.30 petang, polis telah membuat serbuan di Hup Seng Engineering, Lot E s. 92 dan 92A Batu $2^1/_2$ Jalan Sungai Besi, Kuala Lumpur. Sebelum serbuan dijalankan pihak polis tidak memperolehi satu waran geledah di bawah s. 16 Akta.

Menurut keterangan saksi-saksi pendakwa, lapan orang, termasuk responden, sedang bermain judi 'Pai Kau' ketika serbuan dijalankan.

Pada akhir kes pendakwaan Majistret telah memutuskan pihak pendakwa telah gagal untuk membuktikan satu kes *prima facie* terhadap perayu. Menurut alasan hukumannya Majistret telah memutuskan pihak polis perlu memperolehi waran geledah di bawah s. 16 Akta terlebih dahulu sebelum menjalankan serbuan. Menurutnya lagi pihak pendakwa perlu juga membuktikan tempat judi tersebut digunakan dengan biasanya sebagai tempat berjudi.

Majistret seterusnya menyatakan beliau terikat dengan keputusan Y.A. Hakim Dato' Peh Swee Chin di dalam kes *Timbalan Pendakwa Raya lwn. Thoo Yee Thye & Yang Lain* [1991] 3 CLJ 2830. Majistret telah membuat kesimpulan bahawa, oleh kerana serbuan polis tidak dibuat berasaskan satu waran geledah di bawah s. 16 Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953, dan, oleh kerana sebarang pemerhatian di tempat serbuan tidak dijalankan terlebih dahulu, pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan kes *prima facie* terhadap responden dan seterusnya telah melepas dan membebaskan responden.

Pihak Pendakwa Raya tidak puas hati dengan keputusan tersebut. Timbalan Pendakwa Raya telah menghujah kegagalan pihak polis untuk memperolehi satu waran geledah terlebih dahulu tidak sama sekali menjejaskan kes terhadap responden. Perhatian saya dirujuk kepada kes-kes yang berikut.

Di dalam kes *Saminathan v. Public Prosecutor* [1937] MLJ 39, seorang Inspektor, yang bukan seorang pegawai polis kanan seperti yang ditafsirkan oleh s. 2 Ordinan Pertaruhan 1953, telah memasuki dan menggeledah bilik perayu dan menangkap perayu atas tuduhan menyenggarakan suatu rumah judi terbuka. Di dalam kes ini Aitken J telah memutuskan:

> It is now argued before me:
>
> 1. That as the accused was illegally arrested the proceedings were void *ab initio* and the conviction cannot stand. I reject that argument. It seems to me that there is an overwhelming mass of authority for the proposition that the legality or illegality of a man's arrest does not concern the Court which is trying him. That Court is only concerned with the charge brought against him; he has his remedy for the illegal arrest elsewhere.
>
> Secondly, it was argued that the documents which were found during the search should not have been put in evidence against him, because the police were not in legal possession of them. It was stated that it was really the stolen property of the accused. Here again I have come to the conclusion that the manner in which the police obtained possession of these documents does not concern the Magistrate who is trying the accused; he is only concerned with their relevancy.

Di dalam kes *Wong Liang Nguk (f) lwn. Public Prosecutor* [1953] 19 MLJ 246 di muka surat 247 pula, Thompson J. telah memutuskan:

> Generally speaking, (I say generally speaking, because I do not feel it necessary to go into certain difficult questions relating to privilege) the fact that evidence is unlawfully obtained does not affect its admissibility (See Taylor on **Evidence** 11th Edn. para 922). If the police officer in this case had no authority to search then no doubt he would have been open to some sort of civil action but the question of his authority to search is completely irrelevant to the admissibility in evidence of his statement of what he found in the course of that search.

That, I think, is abundantly clear as a matter of general principle and in particular relation to this type of case it was accepted as long ago as 1936 by Aitken J, in the case of *Saminathan v. Public Prosecutor*.

Sections 16, 17 and 18 of the Common Gaming Houses Enactment serve two purposes.

The first is that they protect any police officer who acts in accordance with them.

The second is that if they are strictly complied with and in the course of a search made under them certain articles are found then the presumptions arise which are set out in ss. 19 and 20, though it must be remembered that the presumptions contained in s. 11 are clearly not dependent upon compliance with ss. 15, 17 or 18.

If, then, ss. 16, 17 or 18 is complied with not only is any police officer who acts under it protected but the presumptions in the succeeding section arise. If none of the sections is complied with the police officer must look elsewhere for his protection (which no doubt he will find in the police ordinance) and the presumptions in the succeeding sections do not arise, but whether these sections are complied with or not the fact that anything has been found in the possession of an accused person and the thing found itself are admissible in evidence, always provided, of course, they have some connection with the case.

Seterusnya, Timbalan Pendakwa Raya merujuk perhatian saya kepada kes *Saw Kim Hai & Lain lwn. Reg.* [1956] 22 MLJ 21 di mana Spenser Wilkinson J. telah memutuskan:

It is settled law that when an accused person is before a Court the Court has jurisdiction to try him notwithstanding the fact that his arrest may have been illegal, and it has recently been held by the Privy Council that the fact that evidence has been illegally obtained does not affect the question of its admissibility (*Kuruman v. Queen*). Even, therefore, if the evidence of possession by these appellants of the documents in question in this case was illegally obtained (and there was really no suggestion that it was) that would not affect its admissibility. I was of opinion, therefore, that the decision in the case of *Wong Yiap Long v. Public Prosecutor* had no bearing upon the presumption raised by s. 11 of the Common Gaming Houses Ordinance and that a presumption arises under this section as soon as it is proved that a person has been found in possession of the documents therein referred to, no matter where or how that person was found.

Selain dari kes-kes di atas, saya telah juga mengambil perhatian tafsiran istilah 'rumah perjudian terbuka' di s. 2 sebelum dipinda dan selepas ia dipinda oleh Akta A 577 yang berkuatkuasa pada 11 Februari 1991.

Sebelum dipinda

"common gaming house" includes any place kept or used for gaming to which the public or any class of the public has or may have access and any place kept for habitual gaming, whether the public or any class of the public has or may have access thereto or not, and any place kept or used for the purpose of a public lottery;

Selepas dipinda oleh Akta A577

"common gaming house" includes:

(a) any place kept or used for gaming to which the public or any class of the public has or may have access;
(b) any place kept for habitual gaming whether the public or any class of the public has or may have access to it or not;
(c) any place kept or used for the purpose of a public lottery;
(d) any place (including a place which is owned, occupied, possessed, kept, used, or maintained by any society or any other organisation, body or group of persons whether or not such society, organisation, body or group is establised by or under any law):

(i) where eight or more persons are gaming;
(ii) where any bankers' game is being played; or
(iii) where gaming is played and for which payment is made by any person to any society, organization, body or group of persons or any other person as consideration for permitting gaming in such place;

Dari tafsiran 'rumah perjudian terbuka' yang baru di atas adalah diperhatikan "mana-mana tempat" di mana "lapan orang atau lebih yang sedang berjudi" atau di mana "apa-apa permainan banker sedang dimainkan" termasuk di dalam istilah "rumah perjudian terbuka." Ini memudahkan beban bukti yang terletak di atas pihak pendakwa.

Selain dari itu perhatian telah juga diberi kepada tafsiran istilah "digunakan" di dalam s. 2 Akta yang menghuraikan bahawa "sesuatu tempat hendaklah disifatkan sebagai "digunakan" bagi sesuatu maksud jika ia digunakan bagi maksud itu **walaupun hanya sekali sahaja**".

Di dalam kes ini keterangan saksi-saksi pendakwa ialah, bahawa 8 orang, termasuk responden, sedang bermain judi 'Pai Kau' pada hari yang berkenaan apabila serbuan dijalankan oleh pihak polis.

Berhubung dengan pemakaian keputusan Yang Arif Hakim Peh Swee Chin di dalam kes *Timbalan Pendakwa Raya lwn. Thoo Yee Thye & Yg. Lain*, adalah diperhatikan fakta-fakta kes ini boleh dibezakan dengan fakta-fakta kes ini. Tidak jelas dari laporan kes bila serbuan dijalankan di dalam kes Thoo Yee Thye tetapi dari rujukan kes itu, iaitu, Rayuan Jenayah No: 41(51)-222-89 dan 41(55)-253-89, kesimpulan yang boleh dibuat ialah serbuan dijalankan **pada atau sebelum tahun 1989** dan dengan itu tafsiran "rumah perjudian terbuka" yang terpakai ialah tafsiran **sebelum** ia dipinda oleh Akta A577 dan di mana keputusan di dalam kes *Fong Chong Cheng* [1930] SSLR 139 terpakai.

Kes ini tidak melibatkan perjudian di dalam rumah kediaman. Selain dari itu tafsiran istilah "rumah perjudian terbuka" yang terpakai ialah tafsiran selepas ia dipinda. Selain dari "mana-mana tempat yang disenggarakan atau digunakan untuk perjudian yang orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai ada atau boleh mendapat akses" dan "mana-mana tempat secara lazimnya, sama ada atau tidak orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai ada atau boleh mendapat akses kepadanya", tafsiran baru memperuntukkan "mana-mana tempat ... di mana lapan orang atau lebih sedang berjudi" juga termasuk di dalam istilah "rumah perjudian terbuka."

Dengan itu saya memutuskan oleh kerana fakta-fakta kes dan undang-undang yang terpakai adalah berbeza Majistret tersilap apabila beliau memutuskan beliau terikat dengan keputusan kes *Thoo Yee Thye*.

Berasaskan kepada keputusan-keputusan di dalam kes-kes yang dirujuk oleh Timbalan Pendakwa Raya dan yang dihuraikan di atas, saya juga memutuskan Majistret salah di sisi undang-undang apabila beliau memutuskan s. 16 Akta mesti dipatuhi terlebih dahulu oleh pihak polis. Saya juga memutuskan Majistret tersilap di sisi undang-undang apabila beliau memutuskan pihak polis perlu menjalankan pemerhatian terlebih dahulu.

Seterusnya saya memutuskan sekiranyapun anggapan statutori di dalam s. 19 tidak dipakai kerana s. 16 Akta tidak dipatuhi, berasaskan kepada keterangan-keterangan dan fakta-fakta kes yang telah dibentangkan, (yang tidak dipertikaikan oleh pihak responden) dan memakai rukun pentafsiran "ordinary rule of construction" kepada perkataan-perkataan di dalam tafsiran istilah 'rumah perjudian terbuka' seperti dipinda oleh Akta A577 dan tafsiran istilah 'used' dalam Akta yang dihuraikan di atas, saya berpendapat satu kes prima facie terhadap responden telan dibuktikan.

Dengan itu rayuan telah dibenarkan dan keputusan Majistret bertarikh 9 Januari 1993 yang memerintah pelepasan dan pembebasan responden diketepikan. Majistret telah diperintah untuk memanggil pembelaan.